

TUGASAN MINGGUAN

A. Tugas Individu;

Setiap pelajar dihendaki membuat satu persembahan ringkas dalam masa 5 hingga 10 minit berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk yang berikut;

1. Jelaskan sejarah perkembangan komputer hingga kini.
2. Nyatakan bagaimana kesan perkembangan TMK kepada kehidupan masyarakat kini.
3. Jelaskan apakah keselamatan dan etika dalam penggunaan komputer.
4. Apakah yang dimaksudkan dengan komputer, dan buat pengelasan komputer dari segi sistem.
5. Apakah perkakasan-perkakasan utama dan samping yang terdapat pada komputer dan nyatakan kegunaannya.
6. Jelaskan apakah kegunaan sistem operasi yang terdapat dalam komputer.
7. Dalam sistem operasi windows terdapat 'Control Panel', jelaskan apa gunanya 'control panel'
8. Apakah Perisian Utiliti? Dalam sistem operasi windows terdapat beberapa perisian utiliti, nyatakan perisian tersebut dan kegunaannya.
9. Jelaskan ciri-ciri istimewa yang terdapat pada perisian pemproses perkataan dan nyatakan bagaimana ia dapat digunakan dalam bidang pendidikan.
10. Nyatakan ciri-ciri istimewa yang terdapat pada perisian hamparan elektronik dan apakah kegunaannya.
11. Nyatakan ciri-ciri istimewa yang terdapat pada perisian persembahan elektronik dan jelaskan bagaimana ia dapat membantu seseorang guru dalam proses P&P.
12. Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan pangkalan data? Jelaskan bagaimana sistem pengkalan data yang baik dapat membantu kehidupan kita.

13. Nyatakan ciri-ciri utama yang terdapat perisian pangkalan data dan jelaskan bagaimana anda dapat membina satu pangkalan data mudah dengan menggunakan MS Access.
14. Dapatkan maklumat apa yang dimaksudkan dengan rangkaian komputer, dan apakah protokol yang terlibat.
15. Apakah internet? Bagaimana internet mempengaruhi kehidupan kita hari ini?
16. Jelaskan maksud literasi maklumat. Kenapa ia menjadi penting kepada kehidupan kita.
17. Tunjukkan kemahiran-kemahiran untuk kita memperolehi maklumat dan menentukan ketepatan dan keperluan maklumat itu kepada diri kita.
18. Terangkan maksud multimedia. Kenapa konsep multimedia itu diberi keutamaan dalam banyak segi saluran maklumat?
19. Terangkan bagaimana proses dan pembangunan sesuatu produk multimedia.
20. Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS - Learning Management System) kini menjadi salah satu medium utama pembangunan diri dan pengetahuan individu. Terangkan apa itu LMS dan ciri-ciri yang terdapat dalam sesuatu LMS.
21. Dengan menggunakan MS Excel (atau yang setara), tunjukkan bagaimana anda menganalisa sesuatu data (misalnya data peperiksaan, data jual beli dan sebagainya).
22. Tunjukkan bagaimana anda membina satu pangkalan data mudah menggunakan MS Access.
23. Dengan menggunakan internet, tunjukkan cara-cara anda untuk mendapatkan sesuatu maklumat dan menentukan ketepatannya.
24. Dengan menggunakan perisian multimedia yang anda tahu, tunjukkan bagaimana anda menghasilkan satu produk multimedia - iaitu menunjukkan cara-cara anda mengabungkan elemen-elemen media dalam penghasilan tersebut.